

Boleh buka akaun SSPN di Maybank

KUALA LUMPUR - Dengan simpanan serendah RM20, orang ramai kini boleh membuka akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) di semua cawangan Maybank seluruh negara.

SSPN yang dilancarkan 2004 lalu oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada mulanya kurang mendapat sambutan sehingga kerajaan mengambil pendekatan setiap keluarga satu akaun SSPN.

Pendekatan ideal itu membolehkan anak-anak mereka mendapat pinjaman PTPTN.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, tanpa menabung di SSPN, anak-anak yang memerlukan pinjaman PTPTN tidak berpeluang menikmatinya melainkan ibu bapa mereka berbuat demikian.

"Tahun ini diletakkan syarat untuk membuka akaun SSPN dengan permulaan serendah RM20 tidak seperti sebelum ini yang mana keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan perlu menyimpan RM500 dan yang lebih daripada RM3,000 perlu menyimpan RM3,000.

"Syaratnya mesti ada akaun SSPN dan ia perlu didaftarkan atas nama keluarga, tak kiralah berapa ramai anak mereka, hanya satu akaun saja yang perlu dibuka," katanya pada sidang media selepas menyaksikan perjanjian persefahaman antara Maybank dan PTPTN sebagai ejen SSPN di sini semalam.

Menurut Mohamed Khaled lagi, setakat ini, sebanyak RM165.37 juta deposit berjaya dikumpulkan dan ia melibatkan seramai 573,880 akaun keluarga.

Mengulas kadar caj perkhidmatan PTPTN yang diturunkan dari tiga kepada satu peratus, Mohamed Khaled berkata, semasa Kabinet menyatakan bahawa penurunan bermula 1 Jun lalu, ia hanya melibatkan peminjam baru.

"Bagi peminjam sedia ada, pelaksanaannya pada 1 Januari 2009 kerana ada beberapa perkara yang perlu dilakukan daripada segi dokumen, kontrak, penerimaan dan sebagainya," katanya lagi.